



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

PERUTUSAN

YANG BERTHORMAT

DATO SERI SETIA DR HAJI MOHAMMAD ISHAM BIN HAJI

JAAFAR MENTERI KESIHATAN

SEMPENA MINGGU IMUNISASI SEDUNIA 2023

24 – 30 APRIL 2023

TEMA:

"The Big Catch-up"

1. Pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam sekali lagi tidak ketinggalan menyertai negara-negara ahli Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang lain dalam menyambut Minggu Imunisasi Sedunia pada 24 hingga 30 April 2023. Minggu Imunisasi Sedunia ini disambut setiap tahun dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan vaksin, yang mana ianya boleh melindungi setiap peringkat umur daripada penyakit dan memberi kesempatan bagi semua untuk meneruskan kehidupan yang sihat dan bermakna.
2. Selama lebih dari dua dekad, vaksin telah membantu memastikan orang ramai dilindungi di setiap peringkat umur daripada penyakit berjangkit – dari sejak mula vaksin diberi untuk melindungi dari virus

smallpox dan hingga masa sekarang dengan vaksin yang terbaru bagi jangkitan COVID-19. Sambutan Minggu Imunisasi Sedunia tahun ini disambut dengan tema “**The Big Catch-up**”, bagi menandakan titik perubahan kritikal bagi program imunisasi. Selepas lebih dua tahun imunisasi terganggu akibat gangguan pandemik COVID-19, Minggu Imunisasi Sedunia 2023 bertujuan untuk mengejar, memulihkan dan mengukuhkan perkhidmatan imunisasi untuk meliputi berjuta-juta orang yang tidak mendapat manfaat vaksin, dan menghentikan penyebaran wabak penyakit yang boleh dicegah dengan vaksin.

3. Seperti yang kita sedia maklum, pandemik COVID-19 telah menyebabkan gangguan di peringkat global termasuk perkhidmatan imunisasi rutin di kebanyakan negara. Kadar imunisasi bagi liputan global telah menurun daripada 86% pada tahun 2019 kepada 81% pada tahun 2021. Seramai 25 juta kanak-kanak di bawah umur 1 tahun dianggarkan tidak menerima vaksin asas, dan ini merupakan jumlah tertinggi sejak tahun 2009. Pada tahun 2021, jumlah kanak-kanak yang tidak menerima vaksinasi sepenuhnya meningkat sebanyak 5 juta dibandingkan dengan sebelum pandemik COVID-19 pada tahun 2019. Bilangan kanak-kanak perempuan yang tidak menerima vaksin *human papillomavirus (HPV)* telah meningkat sebanyak 3.5 juta, berbanding tahun 2019.
4. Imunisasi rutin adalah salah satu asas penjagaan kesihatan yang

penting kerana ia merupakan titik permulaan bagi penjagaan kesihatan dari awal kehidupan kanak-kanak, untuk menjalani kehidupan yang sihat. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan, terus komited dalam menyediakan program imunisasi yang komprehensif kepada semua rakyat dan penduduk sehingga mencapai kadar perlindungan imunisasi tahunan lebih dari 95% dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Walaupun Negara Brunei Darussalam dilanda pandemik COVID-19, perkhidmatan imunisasi rutin kanak-kanak terus dijalankan sebagai sebahagian daripada perkhidmatan penting untuk melindungi penduduk daripada risiko penyakit yang boleh dicegah dengan vaksin. Vaksinasi untuk wanita mengandung dan golongan berisiko tinggi terus juga diberikan semasa pandemik COVID-19.

5. Program Vaksinasi Kebangsaan COVID-19 yang dilaksanakan pada 3 April 2021 telah memberikan perlindungan tambahan terhadap jangkitan COVID-19 kepada rakyat dan penduduknya. Sehingga 31 Mac 2023, sejumlah 1,291,217 dos vaksin COVID-19 telah diberikan di seluruh negara. Oleh itu, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal berada di tahap yang tinggi dengan 79.2% daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin. Manakala, lebih dari 62% remaja berumur 12 – 17 tahun telah menerima 3 dos vaksin COVID-19 dan

88.1% kanak-kanak berumur 5 – 11 tahun telah menerima 2 dos vaksin COVID-19.

6. Sebagai sokongan penuh terhadap tema Minggu Imunisasi Sedunia tahun ini iaitu *"The Big Catch-up"*, dan menyokong visi dan strategi global baharu dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk imunisasi – ***The Immunisation Agenda 2030***, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan terus memainkan peranan dalam memastikan bahawa kesemua rakyat dan penduduk di negara ini mendapat manfaat sepenuhnya daripada vaksin untuk meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan mereka, dengan melibatkan semua di setiap peringkat umur dalam apa jua keadaan.

7. Di kesempatan ini, dalam menyokong tema Sambutan Minggu Imunisasi Sedunia pada tahun ini, Kementerian Kesihatan adalah komited dan akan terus berusaha untuk mengukuhkan lagi perkhidmatan imunisasi di Negara Brunei Darussalam bagi kanak-kanak dan berusaha untuk meningkatkan liputan imunisasi bagi mereka yang berisiko tinggi di setiap peringkat umur. Dalam masa yang sama, saya juga berharap Sambutan Minggu Imunisasi Sedunia pada tahun ini akan dapat dijadikan sebagai satu iltizam yang kuat dan berkesan kepada kita semua sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam untuk lebih menghargai kesihatan diri sendiri; lebih

bertanggungjawab dalam memastikan pengambilan vaksin yang sepatutnya untuk merealisasikan Visi Kementerian Kesihatan 'Bersama Ke Arah Warga Sihat'; dan mencapai Wawasan Brunei 2035 iaitu Pencapaian Kualiti Hidup Penduduk Yang Tinggi.

-TAMAT-